



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA  
JABATAN MUZIUM MALAYSIA

## **TEKS UCAPAN ALU-ALUAN**

OLEH:

**YBHG DATUK AZMAN BIN MOHD YUSOF  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA:

**CITRA NUSA @ MUZIUM KOTA KAYANG**

TARIKH:

**4 NOVEMBER 2023 (SABTU)**

MASA:

**11.20 PAGI**

LOKASI:

**MUZIUM KOTA KAYANG, PERLIS**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Terima kasih saudara/saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratu, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Salam Perlis

Raja Berdaulat, Rakyat Berilmu, Negeri Sejahtera, Perlis Maju

Mengadap Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail

Dan mengadap

Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Dr. Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil

Ampun Tuanku,

1. Dengan penuh hormat dan takzimnya, patik bagi pihak sekalian yang hadir, merafak sembah dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas limpah perkenan Duli-Duli Tuanku berangkat menyempurnakan **Majlis Perasmian Program Citra Nusa @ Muzium Kota Kayang** pada pagi yang mulia ini.
2. Sesungguhnya keberangkatan dan sokongan padu daripada Duli yang Maha Mulia Tuanku untuk majlis ini, patik dan seluruh jentera Kementerian Perpaduan Negara sangat-sangat menyanjung tinggi dan menghargainya. Keberangkatan Duli yang Maha Mulia Tuanku telah menyerikan lagi majlis ini. Sesungguhnya patik yakin ia akan terus menjadi ingatan kepada warga kerja Kementerian Perpaduan Negara khususnya kepada Jabatan Muzium Malaysia.

Ampun Tuanku,

Patik mohon ampuni limpah perkenan Duli-Duli Tuanku untuk patik menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin yang turut menyerikan majlis ini.

Ampun Tuanku,

## **SALUTASI**

*\*Disediakan secara berasingan*

### MUKADIMAH

3. Pertama sekali, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana diberi keizinan untuk bersama-sama berada dalam Majlis Perasmian Citra Nusa @ Muzium Kota Kayang pada pagi yang berbahagia ini. Saya sesungguhnya sangat berbesar hati dapat kembali semula ke Negeri Perlis dan melawat Muzium Kota Kayang yang pada pandangan saya memiliki satu keistimewaan yang tiada di tempat lainnya iaitu keindahan landskap dan juga sejarahnya.
  
4. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada Muzium Kota Kayang, Jabatan Muzium Malaysia atas penganjuran program bermula pada 3 hingga 5 November 2023. Saya difahamkan pelbagai pengisian dirancang bagi penganjuran Program Citra Nusa @ Muzium Kota Kayang yang merupakan penutup kepada semua siri program Citra Nusa yang telah dilaksanakan sebelum ini di Borneo Cultures Muzium (Sarawak), Muzium Negara (Kuala Lumpur) dan Muzium Matang (Perak). Sehingga kini Program Citra Nusa @ Muzium telah berjaya merekodkan seramai hampir 300,000 pengunjung sepanjang tempoh penganjuran.

## **LATAR BELAKANG POGRAM CITRA NUSA @ MUZIUM KOTA KAYANG**

5. Untuk makluman semua, program Citra Nusa @ Muzium Kota Kayang ini dirangka khusus sebagai mendukung usaha mempromosikan konsep Masyarakat MADANI. Malaysia MADANI ditunjangi sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan sebagai medan dialog peradaban manakala kerangka Malaysia MADANI menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan.
  
6. Dalam usaha bagi menggarap program ini, tiga (3) teras utama Malaysia MADANI dipegang iaitu Patriotisme dan Demokrasi, Identiti Nasional dan Ekosistem Perpaduan. Program Citra Nusa @Muzium Kota Kayang merupakan salah satu *flagship* Kembara Perpaduan yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan mengeksplorasi tiga (3) kluster utama iaitu Semarak KENEGARAAN, Semarak PERPADUAN, dan Komuniti RAHMAH.

Ampun Tuanku,

Para hadirin yang dihormati sekalian,

## **CURATING UNITY–MUZIUM SEBAGAI SEBAGAI WAHANA PERPADUAN**

7. Malaysia memiliki kemajmukan etnik, kepelbagaian agama, kekayaan budaya dan tradisi yang menjadi nadi kekuatan memperkukuh integrasi nasional dalam kalangan masyarakat. Penguasaan pengetahuan khususnya sejarah negara merupakan perkara asas bagi seseorang warganegara memahami dan menghayati sultur perpaduan negara supaya mempunyai semangat jati diri untuk membina sebuah negara bangsa yang bersatu dan kuat, menjaga keharmonian dan kedaulatan negara kita.
8. Justeru, Muzium berperanan sebagai ‘Penyimpan Khazanah Negara’, di mana koleksi artifak dijadikan sumber bukti rujukan yang boleh disebarluaskan kepada masyarakat untuk melahirkan generasi berilmu dan kaya jiwa sejarahnya. Muzium juga mampu untuk “*curate*” atau membina naratif pameran sebagai wahana perpaduan yang amat signifikan dalam menyemarakkan rasa kecintaan kepada negara bangsa sesuai dengan aspirasi Dasar Perpaduan Negara untuk melestarikan keharmonian masyarakat majmuk di negara ini.
9. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa memberikan sokongan dan kepercayaan kepada muzium sebagai salah

sebuah agensi di bawahnya untuk terus berusaha melaksanakan visi dan misinya dalam memelihara dan memasyarakatkan muzium serta membawa nama Malaysia harum di peta dunia. Semoga sikap profesionalisme para kurator dan warga muzium kita dalam memacu bidang permuziuman mampu mengangkat martabat muzium sebagai organisasi permuziuman yang relevan dan kekal lama bertahan dalam menongkah arus kepesatan teknologi dan pembangunan negara sejajar dengan Matlamat dalam Pembangunan Mampan 2030 atau *Sustainable Development Goals (SDG) 2030*.

Ampun Tuanku,

Para hadirin yang dihormati sekalian,

### **HARAPAN KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

10. Bagi pihak kementerian, saya berharap program ini akan menjadi satu rangsangan kepada masyarakat setempat khususnya di Perlis ini untuk berterusan menghayati erti sejarah dan ketamadunan melalui semua aktiviti yang dianjurkan. Penglibatan komuniti setempat melalui program seperti ini diharapkan dapat menyerlahkan hasrat kerajaan meningkatkan semangat muhibah, toleransi dan sikap saling menghormati di antara satu sama lain.

11. Usaha Jabatan Muzium Malaysia melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti ini akan memantapkan peningkatan apresiasi terhadap warisan sejarah, seni dan budaya negara serta meningkatkan Indeks Perpaduan Nasional. Saya melihat program pada hari ini juga mampu menjana pendapatan kepada penjaja / peniaga kecil menerusi gerai-gerai jualan dan aktiviti demonstrasi sekaligus penyumbang kepada ekonomi negara.
12. Saya menaruh harapan yang tinggi supaya semua agensi kementerian menjadi pemangkin kepada usaha memupuk semangat kekitaan dan kebersamaan dalam kalangan masyarakat melalui penghayatan Rukun Negara, semangat jati diri dan cintakan tanah air.
13. Malahan, semua jabatan dan agensi di bawah KPN perlu terus menyemarakkan aspek kebudayaan masyarakat majmuk untuk menjadi sebahagian dari katalis kepada usaha berterusan memperkasakan agenda perpaduan dan integrasi nasional. Saya yakin bahawa strategi Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk memastikan nilai yang diterap melalui konsep Malaysia MADANI ini dapat digerak dan dilaksanakan sebaiknya.



## PENUTUP

14. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua agensi di bawah KPN, kerajaan Negeri Perlis dan semua agensi sama ada kerajaan, swasta, komuniti serta NGO yang turut sama memastikan kejayaan Program Citra Nusa @ Muzium Kota Kayang.
15. Semoga semangat kerjasama dan kebersamaan ini dapat memartabatkan dan melestarikan khazanah negara sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menonjolkan kebersamaan serta keharmonian yang terjalin di sebalik perbezaan ras, agama dan budaya seperti mana yang terungkap di bawah tema '*unity in cultural diversity*' (perpaduan dalam kepelbagaian budaya).

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik mohon diampun.

16. Sebelum patik mengakhiri ucapan, sekali lagi patik mohon izin dan perkenan Duli yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan sebuah puisi bertajuk '**Pewaris Budaya**'.

*Di sini kami dilahirkan,*

*Di sini kami dibesarkan,*

*Di sini lahirnya sebuah warisan,*

*Di sini terciptanya seni budaya,*

*Di sini terciptanya warisan bangsa,  
Di sini terciptanya adat dan suku.*

*Kami menjunjung warisanmu,  
Kami menggendong adatmu,  
Walau badai melanda,  
Tidak akan goyah ditelan masa,  
Di Pundak kamu warisan ulung,  
Mengharungi globalisasi sempadan,  
Mengharumi persada dunia.*

*Ayuhlah rakanku,  
Kita mewarisi budaya ini,  
Agar kekal terpelihara utuhnya,  
Kerana kita ialah pewaris budaya,  
Demi negara tercinta,  
Generasi gemilang rakyat Malaysia.*

Sekianlah sahaja ucapan patik, moga Tuanku terus diberikan keberkatan oleh Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Ampun Tuanku.